BENTA WAWASAN SDN. BHD.

BENTA WAWASAN SDN. BHD.
(Co. No. 377414-H)

PENYATA POLISI ALAM SEKITAR

Benta Wawasan Sdn Bhd (BWSB) komited untuk pembangunan mampan melalui melindungi alam sekitar. Mengekalkan alam sekitar adalah pertimbangan utama dalam semua aspek dan peringkat operasi perladangan kami. Oleh itu, syarikat kami komited untuk mematuhi prinsip-prinsip berikut: -

- Mematuhi undang-undang dan peraturan persekitaran yang sesuai;
- Kurangkan sebarang impak pembangunan alam sekitar yang merugikan secara signifikan melalui penggunaan prosedur dan perancangan pengurusan alam sekitar yang bersepadu;
- Mewujudkan sistem pengurusan perladangan mapan dan berterusan secara dalaman dan luaran;
- Menghapuskan sebarang kesan buruk terhadap alam sekitar akibat daripada aktiviti perladangan kami; dan
- Mendidik dan menyelia para pekerja untuk meminimumkan impak alam sekitar yang merugikan dalam semua operasi pertanian dan kilang yang berkaitan.

DOMINIC DAMBUL

(Ketua Pegawai Eksekutif)

Tarikh : 01hb Januari 2021

BENTA WAWASAN SDN. BHD.

BENTA WAWASAN SDN. BHD.
(Co. No. 377414-H)

PENYATA POLISI PEMBAKARAN TERBUKA

Benta Wawasan Sdn Bhd (BWSB) komited dengan pembangunan mampan dengan melindungi alam sekitar berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- Mematuhi semua keperluan Perundangan dan Statutori dan kawal selia yang berkenaan;
- Tidak ada apa-apa aktiviti Pembakaran Terbuka kecuali yang dianggap perlu dengan kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan. Ini termasuk sisa domestik, sisa pertanian dan biomas atau produk sampingan yang dihasilkan oleh estet dan kilang kelapa sawit;
- Mengamalkan kaedah mekanikal semasa pembersihan tanah di mana runtuhan kayu dengan membiarkannya mengurai sehingga membebaskan nutrien secara perlahan;
- Berkomunikasi dan menggalakkan pemegang kepentingan dan pekerja untuk sentiasa mengamalkan dan mengawasi keprihatinan dan kebimbangan mereka dan menjaga dasar pembakaran sifar.

DOMINIC DAMBUL

(Ketua Pegawai Eksekutif)

Tarikh : 01hb Januari 2021

BENTA WAWASAN SDN. BHD.

BENTA WAWASAN SDN. BHD.
(Co. No. 377414-H)

PENYATA POLISI MINYAK SAWIT LESTARI MALAYSIA (MSPO)

Benta Wawasan Sdn Bhd (BWSB) komited untuk menguruskan perladangan kelapa sawit dan kilang kelapa sawit dengan cara yang mampan dengan melaksanakan amalan terbaik dalam bidang sosial, alam sekitar dan ekonomi melalui prinsip dan amalan berikut:

- Melaksanakan operasi perladangan kelapa sawit dan kilang kelapa sawit dalam parameter tanah yang diperuntukkan selaras dengan semua keperluan statutori dan peraturan berkuatkuasa;
- Mematuhi semua prinsip di dalam Piawaian Malaysia seperti termaktub di dalam MSPO 2530: Bahagian 3 - Prinsip Am untuk ladang kelapa sawit dan Pekebun Kecil yang dianjurkan dan Bahagian 4 - Prinsip Am untuk kilang minyak sawit dalam operasi pembangunan kelapa sawit mampan;
- Bertekad untuk memastikan peningkatan berterusan dengan matlamat meningkatkan prestasi perladangan dan operasi pengilangan untuk pembangunan mampan;
- Mengintegrasikan pertimbangan kemampanan ke dalam semua keputusan perniagaan kami.
- Melaksanakan penilaian prestasi sistematik secara tetap dan berkala melalui pengurusan tindakan pembetulan dan audit dalaman; dan
- Menjelas dan menyampaikan tanggungjawab pengurusan kelapa sawit dalam lingkungan / lestari kepada pekerja kami dan menyokong mereka dengan latihan dan sumber yang bersesuaian untuk memastikan tanggungjawab tersebut dipenuhi.

DOMINIC DAMBUL

(Ketua Pegawai Eksekutif)

Tarikh : 01hb Januari 2021

BENTA WAWASAN SDN. BHD.

BENTA WAWASAN SDN. BHD.
(Co. No. 377414-H)

PENYATA POLISI KITAR SEMULA

Pengurusan Benta Wawasan Sdn Bhd mengambil berat amalan kitar semula terutamanya bahan buangan berasaskan logam/besi, plastik, kaca, kertas, dan lain-lain untuk menjaga alam sekitar. Pengurusan syarikat juga berusaha untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang baik. Semua pihak yang berkepentingan dengan pihak syarikat dikehendaki untuk turut mematuhi dasar ini sebaik mungkin.

DOMINIC DAMBUL

(Ketua Pegawai Eksekutif)

Tarikh : 01hb Januari 2021

BENTA WAWASAN SDN. BHD.
(Co. No. 377414-H)

PENYATA POLISI PERLINDUNGAN TANAH CURAM DAN RIZAB SUNGAI

Bagi mencapai usaha untuk mengawal hakisan, mengelakkan degradasi tanah dan mengurangkan pencemaran, Benta Wawasan Sdn Bhd mengamalkan kaedah-kaedah berikut di kawasan operasi penanaman sawit;

a) Kawasan Berbukit

i. Tidak menanam sawit di kawasan melebihi kecerunan 25^{o} di kawasan penanaman baru;
ii. Menanam tanaman kekacang penutup bumi yang baik;
iii. Mengekalkan atau menggalakkan pertumbuhan penutup-penutup bumi asli yang sesuai seperti rumput-rumput lembut di kawasan yang sukar untuk membentuk litupan kekacang penutup bumi yang baik;
iv. Mengadakan teres atau kaedah-kaedah lain untuk mengurangkan hakisan dan larian tanah permukaan mengikut kesesuaian setempat; dan
v. Di kawasan yang berkecerunan melebihi 25^{o}, vegetasi semasa akan dikekalkan ataupun dipertingkatkan dengan spesis pokok hutan bernilai tinggi.

b) Kawasan Rizab Sungai

i. Mengadakan zon penampan yang bersesuaian di kedua-dua belah tebing sungai untuk menapis sebarang bahan asing yang berupaya mencemarkan sungai. Amalan ini dikuatkuasakan di semua kawasan pembukaan baru. Di kawasan yang telah dibangunkan, zon penampan ini akan dilindungi dengan vegetasi semasa tanpa apa-apa input bahan agrokimia. Panduan am kelebaran zon penampan ini adalah bagi negeri Sabah di mana keperluan minima kelebaran rizab dari kedua belah tebing berdasarkan keluasan sungai sedia ada ialah 20 meter (lebar sungai > 3 meter).

DOMINIC DAMBUL

(Ketua Pegawai Eksekutif)

Tarikh : 01hb Januari 2021

BENTA WAWASAN SDN. BHD.

BENTA WAWASAN SDN. BHD.
(Co. No. 377414-H)

PENYATA POLISI KOMUNIKASI

Bagi mencapai usaha untuk mengawal hakisan, mengelakkan degradasi tanah dan mengurangkan pencemaran, Benta Wawasan Sdn Bhd mengamalkan kaedah-kaedah berikut di kawasan penanaman sawit;

a) Konflik

i. Perbezaan pendapat harus ditangani secara peribadi dan berhati-hati. Gosip liar dan sifat "tikam belakang" harus dielakkan. Berkomunikasi secara langsung dengan orang yang terlibat untuk menyelesaikan perbezaan konflik yang berlaku;

ii. Setiap pekerja mempunyai tanggungjawab untuk memupuk sifat memahami perbezaan setiap orang dan berusaha untuk mewujudkan persekitaran di mana perbezaan tersebut menyumbang kepada organisasi yang lebih baik.

iii. Kenyataan yang tidak sesuai hendaklah dielakkan terutama berdasarkan bangsa, agama, asal etnik, sifat fizikal, kecacatan mental atau fizikal, warna, keturunan, status perkahwinan, kehamilan, keadaan perubatan, kewarganegaraan dan umur. Kenyataan yang tidak sesuai juga termasuk pihak secara sekumpulan memiliki tingkah laku merendahkan orang lain, mengasingkan dan tidak menerima orang dalam kumpulan, dan memperlekehkan perbelanjaan orang lain, dan/ atau mendatangkan aib atau kesusahan kepada orang lain; dan

iv. Komunikasi melampau adalah tidak boleh diterima oleh syarikat dan tingkah laku sedemikian akan menyebabkan penamatan pekerjaan segera jika sabit kesalahan.

b) Kritikan

i. Kritikan konstruktif yang jelas, bermatlamat dan terarah serta disampaikan dengan beretika haruslah dialu-alukan bagi peningkatan prestasi perniagaan syarikat. Kritikan yang merosakkan yang dirancang untuk membahayakan perniagaan atau orang lain tidak boleh dipraktikkan.

DOMINIC DAMBUL

(Ketua Pegawai Eksekutif)

Tarikh : 01hb Januari 2021

BENTA WAWASAN SDN. BHD.
(Co. No. 377414-H)

PENYATA POLISI PEMULIHARAAN HIDUPAN

Benta Wawasan Sdn Bhd (BWSB) adalah komited untuk memelihara dan mengurus hidupan liar dan habitat-habitatnya di dalam kawasan perladangan bagi faedah generasi pada masa sekarang dan masa akan datang melalui;

- Mematuhi semua keperluan perundangan yang berkaitan (Enakmen Perlindungan Hidupan Liar 1997);
- Menyerlahkan kepimpinan pihak pengurusan dalam semua hal-hal berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar;
- Menyediakan sumber yang diperlukan;
- Merancang, mengurus, melaksana dan menyelenggara semua aktiviti dan program yang bersesuaian bagi pemuliharaan hidupan liar agar semua risiko yang wujud dapat dikenalpasti, dinilai, dan dikawal sehingga ke tahap yang boleh diterima;
- Memastikan tahap kesedaran kepentingan dan kompetensi melalui program latihan yang telah dikenalpasti untuk semua pegawai, pekerja dan masyarakar setempat;
- Mewujudkan sistem kawalan, perundingan dan perhubungan dengan semua pihak yang berkenaan bagi mengukuhkan jaringan komunikasi;
- Membentuk objektif dan sasaran serta kawalan dan pemantauan prestasi semua bahagian dalam peningkatan berterusan;
- Perlantikan pegawai syarikat sebagai Warden Kehormat Hidupan Liar dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Jabatan Hidupan Liar Sabah;
- Bekerjasama dengan Jabatan kerajaan dan bukan kerajaan dalam membasmi pemburuan haram; dan
- Menjalankan rondaan dan sekatan jalan bagi menangkap pemburu-pemburu haram yang masuk ke kawasan perladangan syarikat tanpa kebenaran.

DOMINIC DAMBUL

(Ketua Pegawai Eksekutif)

Tarikh : 01hb Januari 2021